

# Tanya Cikgu Naim



## SOALAN

Apakah bezanya kami dan kita?

Oleh : Ruzaini b Mohd Ismail (P5, Sekolah Rendah Gongshang )



## JAWAPAN

Kami dan Kita ialah kata ganti (diri pertama, jamak). Kedua-duanya tidak boleh digunakan untuk merujuk individu. Contoh:

- Salmah (kita) sedang bermain boneka. (salah)
- Salmah (saya / dia) sedang bermain boneka. (betul)

Kami dan Kita biasanya merujuk kepada sekumpulan orang. Kami selalunya merujuk kepada orang yang bercakap dan mewakili temannya (tidak termasuk orang yang diajak bercakap). Contoh:

- Salim berkata kepada gurunya, "Kami telah menonton filem dokumentasi itu." (tidak termasuk gurunya)
- Ahmad berkata kepada kakaknya, "Saya dan Azad kawan baik. Kami pergi ke sekolah bersama-sama."

Kita pula merujuk kepada orang yang bercakap dan orang yang diajak bercakap. Contoh:

- Kita patutlah menjaga kebersihan sekolah.
- Sebagai rakyat Singapura, kita seharusnya mencintainya.